

Perwakilan tentukan pemilihan bahagian, MT ditangguh — PM

UM 15 JUN 2002

SUBANG 14 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perwakilan akan menentukan sama ada pemilihan peringkat bahagian dan Majlis Tertinggi tahun depan perlu ditangguhkan sehingga selepas pilihan raya umum.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata, beliau tidak berhak untuk membuat keputusan berhubung perkara tersebut.

“Itu (isu penangguhan) untuk perwakilan bincang, bukan saya tentukan,” katanva kepada pemberita sekembalinya dari lawatan ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas cadangan beberapa pihak dalam UMNO supaya pemilihan tersebut ditangguhkan bagi mengelakkan perpecahan dalam parti dan bagi membolehkan usaha ditumpukan untuk menghadapi pilihan raya umum.

Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini juga pernah memba-

yangkan kemungkinan tersebut bagi membolehkan usaha memperkukuhkan parti dilakukan dengan lebih berkesan.

Cadangan itu turut mendapat sokongan pemimpin tertinggi UMNO sama ada di peringkat pusat mahupun negeri.

Mengikut amalan biasa, pemilihan UMNO harus diadakan pada tahun depan tetapi perlembagaan parti telah dipinda bagi membolehkan hanya satu pemilihan parti ditangguhkan selama 18 bulan.

Mengenai ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO minggu depan, Dr. Mahathir enggan mengulas mesej yang hendak disampaikan.

“Dengar nanti ucapan saya, baru ada mesej. Saya beritahu sekarang ini, nanti orang tak datang mesyuarat...(kerana) dah tahu apa nak kata,” jelas beliau.

Ditanya sama ada ucapan beliau itu akan mengandungi perkara-perkara yang mengejutkan, Perdana Menteri berkata, “tidak ada yang mengejut...macam biasa sahaja”.